

Perdagangan Antarabangsa

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Sepanjang tahun lepas eksport kasar negara tumbuh pada kadar 1.9%. Ini merupakan satu penurunan jika dibandingkan dengan tahun 2014 yang mencatatkan pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi pada kadar 6.3%. Keadaan ini adalah sudah dijangka disebabkan oleh kelembapan ekonomi dunia. Kebanyakan negara-negara dunia menghadapi pertumbuhan ekonomi yang perlahan, termasuk sesetengah rakan dagang Malaysia. Pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan ini disebabkan oleh aliran dagangan dan modal global dunia yang perlahan. Punca utama mempengaruhi aliran dagangan dan modal dunia ini adalah disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi utama dunia, terutamanya minyak petroleum mentah.

Dalam pada itu Malaysia bernasib baik kerana salah satu rakan dagang utama negara, Amerika Syarikat (AS) mengalami pertumbuhan ekonomi yang sihat. Maka permintaan untuk eksport dari Malaysia oleh AS terus tumbuh dengan sihat. Ini dibantu pula oleh nilai ringgit yang rendah dibandingkan dengan dolar AS. Jadi barangan Malaysia lebih murah jika dinilai di dalam dolar AS.

Barangan import utama oleh AS dari Malaysia merupakan barangan perkilangan atau juga disebut barangan pembuatan, terutamanya barangan elektrik dan elektronik (E&E). Majoriti dari barangan E&E ini pula terdiri dari semikonduktor yang mana Malaysia merupakan salah satu pengeluar utama dunia.

Jika dilihat dari segi pembahagian eksport negara, barangan perkilangan mewakili 80.2% dari keseluruhan eksport Malaysia untuk tahun 2015. Selebihnya adalah terdiri dari barangan komoditi pertanian serta minyak dan gas. Eksport barangan E&E sahaja mewakili 35.6% daripada keseluruhan eksport untuk tahun 2015. Manakala 17.6% daripada keseluruhan eksport terdiri dari semikonduktor. Ini merupakan satu rahmat

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

untuk Malaysia kerana barangan E&E yang dieksport adalah banyak dari segi kuantitinya, walaupun pada hakikatnya barangan E&E yang dieksport mempunyai nilai tambah yang rendah.

Persoalan mengapa barangan perkilangan E&E mempunyai nilai tambah yang rendah adalah kerana Malaysia bergantung kepada komponen utama yang diimport untuk proses pembuatan barangan siap seterusnya. Malaysia tergolong di dalam jaringan “rantai nilai global” (GVC). GVC merupakan satu konsep pembuatan yang efisien yang diamalkan oleh kebanyakan negara dunia kini. Ianya efisien kerana barangan input untuk pembuatan di peroleh dari sumber yang termurah dan tiada keperluan untuk memiliki teknologi berkenaan yang mungkin mahal dan kita tidak mempunyai kepakarannya.

Malaysia, dengan apa cara sekali pun, perlu meneruskan penglibatan di dalam proses pembuatan yang melibatkan GVC ini kerana ianya merupakan sumber tukaran asing yang sedia ada. Namun, dua cabaran perlu di tangani untuk kelangsungan persaingan masa hadapan. Pertama, Malaysia perlu berusaha untuk meningkatkan dan memiliki teknologi penting lebih-lebih lagi yang melibatkan input utama kepada barangan pembuatan. Dengan pemilikan teknologi ini, bukan sahaja dapat meningkatkan nilai tambah kepada barangan yang dieksport, malahan juga ianya menjamin pengeluaran yang berterusan.

Kedua, persaingan global kini menjadi semakin sengit. Apa jua model yang diamalkan oleh mana-mana negara dan menjadi kisah kejayaan mampu diikuti oleh negara lain. Jadi kita perlu berwaspada terhadap pendaatang baru yang akan menjadi pesaing sekiranya negara tidak melonjakkan diri kepada tahap pengeluaran yang lebih tinggi. Ini sudah tentu mampu dilakukan hanya dengan pemilikan teknologi. Jika negara gagal melonjak ke tahap yang lebih tinggi di dalam proses pengeluaran, maka sudah tentu pendaatang baru lebih kompetitif dari segi kos. Keadaan sedemikian akan menyebabkan barangan kita tidak lagi mampu bersiang di persada dunia. Dalam pada itu, usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang melibatkan pelbagai bidang dan kategori perlu juga diteruskan, terutamanya yang melibatkan pembangunan produk dan proses.

Kembali kepada situasi perdagangan antarabangsa kini, separuh tahun yang kedua 2015 melihat eksport negara bertukar arah mencatatkan pertumbuhan positif di suku ketiga dan keempat setelah merekodkan pertumbuhan yang negatif untuk dua suku pertama. Suku keempat 2015 mencatatkan pertumbuhan 8.1% jika dibandingkan dengan suku keempat 2014 (yakni pertumbuhan tahunan). Ini adalah lebih baik dari pertumbuhan tahunan untuk suku ketiga yang mencatatkan kadar 5.5%. Bulan Oktober 2015 mencatatkan nilai lebih dagangan terbesar dalam tempoh dua tahun dengan nilai RM12.2 bilion. Ini bermakna terdapat momentum peningkatan permintaan untuk barangan eksport Malaysia. Keadaan ini dikaitkan dengan pemulihan ekonomi yang lebih kukuh untuk sesetengah negara maju, terutama yang menjadi rakan dagang Malaysia.

Eksport keseluruhan barangan perkilangan meningkat sebanyak 6.5% setahun untuk tahun 2015, sedikit lebih rendah jika dibandingkan dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 7.1% untuk tahun 2014. Manakala, eksport kedua-dua sektor galian dan pertanian mencatatkan pertumbuhan tahunan yang negatif untuk tahun 2015. Di dalam sektor pertanian, eksport “minyak sawit dan produk berasaskan sawit” dan “getah asli” menguncup pada kadar tahunan masing-masing -5.5% dan -11.9%. Manakala di dalam sektor galian, “gas asli cecair” dan “minyak petroleum mentah” menguncup dengan kadar yang tinggi masing-masing -26.2% setahun dan -20.3% setahun. Penguncupan eksport komoditi-komoditi pertanian dan galian tersebut adalah disebabkan oleh kejatuhan harga masing-masing, walaupun sesetengah komoditi yang dieksport mengalami kenaikan kuantiti.

Untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang perdagangan antarabangsa, kita perlu juga melihat pencapaian import. Jumlah import tumbuh pada kadar tahunan yang kecil 0.4% pada tahun lepas, berbanding dengan kadar tahunan yang lebih besar 5.3% pada tahun 2014. Pertumbuhan import yang perlahan adalah baik untuk meningkatkan lebih dagangan negara. Namun, kita juga perlu mengambil perhatian bahawa sesetengah barangan yang diimport adalah penting untuk proses pengeluaran negara. Contohnya, pengeluar Malaysia terlibat di dalam jaringan GVC perlu mengimport barangan yang menjadi input kepada proses pengeluaran mereka. Bermakna, jika

mereka mengurangkan import barangan input, pengeluaran mereka juga akan berkurangan mungkin melambangkan kekurangan permintaan antarabangsa.

Barangan import dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu barangan modal, barangan perantaraan dan barangan penggunaan. Barangan modal digunakan untuk proses pengeluaran, seperti jentera dan barangan-barangan berkaitan. Barangan perantaraan merupakan barangan yang menjadi input kepada proses pengeluaran. Manakala, barangan penggunaan merupakan barangan akhir atau barangan siap yang digunakan oleh pengguna.

Pada tahun lepas, import barangan modal mencatatkan pertumbuhan tahunan yang amat kecil, 0.1% berbanding dengan import barangan penggunaan yang mencatatkan pertumbuhan tahunan yang tinggi, 24.2%. Manakala, import barangan perantaraan menguncup pada kadar -2.2% setahun. Secara umumnya, boleh dirumuskan bahawa keadaan ini tidak berapa sihat.

Tanpa barangan modal, kapasiti pengeluaran tidak dapat ditingkatkan. Justeru, pengeluaran (dan eksport) semasa dan akan datang dijangka tidak akan meningkat. Manakala, pengurangan import barangan perantaraan bermakna mungkin pengeluaran (dan eksport) akan datang terjejas. Pertumbuhan import barangan penggunaan pula menunjukkan kejayaan dasar untuk meningkatkan permintaan domestik yang perlu untuk pertumbuhan ekonomi kerana kelembapan ekonomi global.

Apakah langkah yang perlu diambil untuk pengurusan ekonomi negara? Yang pasti, import barangan modal dan barangan perantaraan adalah di luar bidang kawalan kita yang rata-rata bergantung kepada keadaan ekonomi global. Pertumbuhan penggunaan perlu di teruskan, maka sudah pasti import juga akan turut meningkat. Manakala dasar gantian import pula adalah kurang berkesan untuk jangka panjang. Oleh yang demikian opsyen yang terbaik adalah peningkatan produktiviti pengeluaran. Import barangan penggunaan bukan sahaja akan terus meningkat, yang juga turut melambangkan kesejahteraan rakyat, malahan harganya akan ditentukan oleh pasaran dunia. Inilah apa yang dipanggil hukum satu harga.

Keupayaan teknologi dan modal insan perlu ditingkatkan setanding, kalau tidak lebih baik, dengan negara maju yang lain sekiranya Malaysia berhajat untuk mencapai status negara maju seperti yang disasarkan. Inilah juga kaedah untuk menangani masalah peningkatan kos sara hidup yang sering diperkatakan.